



MAJLIS DAERAH KUALA PILAH
72009 KUALA PILAH
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.

NO. TEL : 06-4812075/ 4814025
NO. FAKS: 06-4811042
Email :
Laman web: <http://www.mdkp.gov.my>

Ruj. Fail : MDKP.NS 01.500-5/1

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada warganegara Malaysia dan keutamaan diberi kepada rakyat Negeri Sembilan Darul Khusus yang berkelayakan dan berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh iklan ditutup :

BIL	JAWATAN DAN GRED	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	JUMLAH KOSONG	JADUAL GAJI
1.	Penolong Jurutera Gred JA 29 (Tetap)	Kejuruteraan	1	RM1,549.00- RM5,701.00

SKIM PERKHIDMATAN : PENOLONG JURUTERA
GRED JAWATAN : JA29
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEJURUTERAAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
TARAF JAWATAN : TETAP

SYARAT LANTIKAN

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
 - warganegara Malaysia;
 - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - Sijil dalam **bidang kejuruteraan Mekanikal** yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 - Diploma dalam **bidang kejuruteraan Mekanikal** yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki sijil/diploma mekanikal Automotif)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C)** dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Kemahiran, Pemeriksa Kereta Motor Gred AB19, AB22 dan AB26, Penjaga Jentera Elektrik dan Meriyu Tali Air adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :
 - (a) i. mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c); atau
 - ii. lulus Peperiksaan Khas; dan
 - iii. had umur pelantikan:
 - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (c) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (d) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

DISKRIPSI TUGAS

4. Bertanggungjawab merekod inventori, menjalankan kerja penyenggaraan workshop, melaksanakan kerja-kerja kawalan, pengujian, penyenggaraan berkala peralatan elektrik, merancang serta menjalankan tugas-tugas yang berkaitan.

CARA MEMOHON

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan Kosong yang boleh didapati daripada urus setia Majlis Daerah Kuala Pilah pada waktu pejabat dari tarikh jawatan diiklankan iaitu 23 November 2016.
2. Permohonan daripada pegawai kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing dan pastikan kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Penilaian Prestasi yang terkini disertakan bersama PU (A) 176/2005.

3. Tarikh tutup permohonan ialah pada : **8 Disember 2016**.
4. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan sijil yang diakui sah oleh mereka yang berkelayakan seperti pegawai kumpulan A (Pengurusan dan Profesional), Pegawai Kumpulan Sokongan 1, Penghulu, Jaksa Pendamai, Pesuruhjaya Sumpah, Pengerusi JKKK dan setaraf beserta gambar berukuran passport yang dialamatkan kepada :

YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH KUALA PILAH
72009 KUALA PILAH
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.

CATATAN :

1. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga dengan setiap keputusan temu duga adalah muktamad.
2. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temu duga adalah ditanggung oleh calon sendiri.
3. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.
4. Borang yang tidak lengkap seperti tiada tanda tangan dan pengesahan tidak akan dipertimbangkan.



.....
SYAHRUL NIZAM BIN SALEH
YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH KUALA PILAH.

29/11/2016